

**TEKS UCAPAN ALUAN**  
**Y. BRS. PROFESOR Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN**  
**NAIB CANSOLOR**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS JASAMU DIKENANG**

*25 November 2022 (Jumaat), 3.00 Petang*  
*Bilik Jamuan Utama, Canselori*

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## Salutasi

**BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM..**

**Yang Berusaha Profesor Dr. Zulkiflie bin Ibrahim**

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**Yang Berusaha Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**Yang Berusaha En. Masdzarif bin Mahat**

Ketua Pegawai Operasi

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Presiden UTeMASA, Presiden PRAKTIS, Pengerusi KEKUTeM,  
Pengerusi BAKUTEM

Para pesara yang diraikan


Dan Keluarga UTeM yang dikasihi sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera,

Salam Keluarga Malaysia,

Salam Keluarga UTeM.



1. Pertamanya, marilah kita melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Jasamu Dikenang 2022. Alhamdulillah, pada petang ini, kita diberikan kesempatan untuk meraikan lima belas (15) orang staf yang bersara wajib, tujuh (7) orang staf yang bersara pilihan dan satu (1) orang staf yang bersara atas sebab kesihatan bagi tahun 2022.
2. Majlis ringkas, namun penuh erti ini diadakan sebagai tanda penghargaan dari pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka

kepada staf yang bersara. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua pesara yang diraikan iaitu:

- Profesor Ir. Dr. Marizan bin Sulaiman,
- Profesor Datuk Ir. Ts. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor,
- Profesor Ts. Dr. Goh Ong Sing,
- Profesor Madya Dr. Asiah binti Mohd Pilus,
- Profesor Madya Ts. Juhari bin Ab Razak,
- Profesor Madya Ts. Dr. Ahmad Yusairi bin Bani Hashim,
- Encik Mohd Isa bin Mohd Dom,
- Dr. Norida binti Abdullah,

- Dr. Zahriah binti Sahri,
- Dr. Rahman bin Hashim,
- Ts. Dr. Mai Mariam binti Mohamed Aminuddin,
- Encik Wahid bin Nordin,
- Encik Mokhtar bin Ibrahim,
- Puan Yang Chik binti Abdul Rahman,
- Puan Hafizah binti Adnan,
- Encik Badrul Hisham bin Jamal,
- Sarjan Polis Bantuan Abdul Ghafar bin Mohd Jadi,
- Puan Sawiah binti Mamat @ Ahmad,
- Encik Bahari bin Mahmud,

- Lans Koperal Polis Bantuan Ruslan bin Abu Bakar,
  - Encik Zakaria bin Mohd Isa,
  - Encik Husin bin Aji; dan
  - Encik Mazlan bin Mohd Yusoff
3. Saya percaya, di antara para pesara yang diraikan hari ini merupakan antara staf terawal yang menjadi perintis dan penggerak Universiti ini sejak dari awal penubuhan, ketika di zaman Kolej Universiti dahulu.
4. Saya yakin, ketika fasa awal penubuhan Universiti ini, pelbagai cabaran telah diharungi; dengan infrastruktur yang

serba kekurangan, cabaran dalam tadbir urus, kesukaran dalam membina kepercayaan pelbagai pihak seperti pelajar ibu bapa, industri dan lain-lain lagi.

5. Namun, semua ini bukan menjadi penghalang kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk terus berkhidmat dan bersama-sama berjuang bagi memastikan UTeM terus berjaya dan cemerlang sehingga ke hari ini.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,**



6. Dunia persaraan merupakan fasa terakhir dalam perjalanan alam pekerjaan seseorang yang bergelar penjawat awam. Semestinya, persaraan membawa pelbagai pengertian dan makna tersendiri.
7. Fasa persaraan boleh dianggap sebagai peralihan tempoh perjalanan kehidupan untuk menjadi lebih aktif terutamanya dalam menceburi bidang baru, yang mungkin sebelum ini tidak dapat untuk dilaksanakan, kerana faktor kekangan masa dan tenaga, yang disebabkan keperluan komitmen dalam masa bertugas.

8. Kami di UTeM, mendoakan agar tuan-tuan dan puan-puan dapat menjalani kehidupan harian yang lebih membahagiakan. Manfaatkan persaraan ini sebaiknya, sama ada dengan berehat secara sihat sambil meluangkan masa yang berkualiti bersama keluarga tersayang, mahupun dengan melakukan aktiviti kemasyarakatan atau apa sahaja aktiviti yang memberi nilai tambah kepada masyarakat.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

9. Pihak Universiti amat mengalu-alukan sumbangan dan sokongan berterusan tuan-tuan dan puan-puan untuk melonjakkan lagi kecemerlangan UTeM seperti menghulurkan sumbangan dalam tabung endowmen dan wakaf bagi membantu pelajar B40, sumbangan bagi membantu pembangunan penyelidikan dan sebagainya.
10. Terkini, pihak Universiti melalui Pekeliling Pentadbiran Bil. 50/2022 bertarikh 2 November 2022 telah mewujudkan Skim Amal Ihsan UTeM. Skim ini membolehkan Universiti menawarkan atau menjemput kumpulan bakat akademik

dan pentadbir yang berpengalaman dan berkepakaran yang telah meninggalkan perkhidmatan samada yang telah bersara atau tamat perkhidmatan dari perkhidmatan Universiti atau mana-mana perkhidmatan awam atau swasta untuk terus memberikan sumbangan perkhidmatan kepada Universiti secara sukarela dan ikhlas tanpa apa-apa imbuhan berbentuk kewangan.


11. Pihak Universiti amat mengalu-alukan sekiranya ada di kalangan tuan-tuan dan puan-puan yang berminat untuk dilantik di bawah Skim ini dalam meneruskan sumbangan

terhadap kemajuan dan penyebaran ilmu pengetahuan, pengalaman dan kepakaran dalam bidang yang diiktiraf.

12. Mengakhiri ucapan, sekali lagi, saya mewakili pengurusan Universiti dan seluruh keluarga UTeM, mengucapkan 'Selamat Bersara' dan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas segala curahan bakti dan pengorbanan tuan-tuan dan puan-puan berikan selama ini. Sumbangan dan usaha yang telah diberikan pastinya akan terus dikenang dan persahabatan yang terjalin sepanjang

perkhidmatan tidak akan terhenti di sini malah akan terus berkekalan.

Semoga segala kenangan sebagai seorang penjawat awam menjadi memori indah yang mewarnai kehidupan tuan-tuan dan puan-puan.



Bakti dicurah tak kan dilupakan,  
Menjadi kenangan sepanjang masa.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum  
wbkth.

